

harus diberinya lagi, lalu dia pun berkata: “Kalau kita benarkan orang bertayammum, nanti apabila air dirasakan sejuk, mereka akan terus meninggalkan air dan bertayammum sahaja.” (A`masy berkata:) Aku bertanya Syaqiq: “Hanya kerana inilah `Abdullah tidak suka (orang bertayammum).” Syaqiq menjawab: “Ya.”³⁴⁵

٧- باب التيمم ضرباً

7- Bab: Tayammum Hanya (Dengan) Satu Tepukan.³⁴⁶

³⁴⁵ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah (1) Harus berbhahats untuk mencari kebenaran. (2) Dalam berbhahats elok seseorang itu meninggalkan dalil yang tidak diterima pihak lawannya kepada yang diterima oleh kedua-dua pihak yang berbhahats. (3) Bersentuh-sentuhan kulit di antara suami isteri atau lelaki dan perempuan bukan mahram membatalkan wudhu' pada pandangan Sayyidina `Umar dan Ibnu Mas`ud. (4) Keharusan bertayammum untuk orang berjunub yang tidak mendapati air. (5) Hujah dari al-Qur`an lebih kuat dari segala hujah yang lain. (6) Kita umat Islam diajar supaya tidak ta`ashub kepada peribadi-peribadi tertentu walaupun dia salah seorang Khulafa' ar-Rasyidun seperti Sayyidina `Umar dan walaupun dia dikenali sebagai faqih al-Ummah seperti Ibnu Mas`ud, jika pendapatnya bertentangan dengan al-Qur`an dan hadits yang sahih. Kerana itulah anda tidak akan dapati mana-mana tokoh besar di kalangan umat menerima pendapat mereka berdua. Kalau adapun boleh dikatakan semuanya telah kembali ke pangkal jalan.

³⁴⁶ Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini untuk mengemukakan pendapatnya mengenai dua masalah khilafiah dalam bab tayammum. Pertama: Berapa tepukan atau pukulankah yang diperlukan dalam bertayammum dan had tangan yang perlu disapu. Kedua: Kedudukan tertib dalam menyapu anggota tayammum. Berhubung dengan masalah pertama para`ulama' terbahagi kepada tiga golongan. Golongan pertama ialah orang-orang yang berpendapat hanya satu tepukan atau pukulan ke atas tanah diperlukan untuk menyapu muka dan tangan hingga ke pergelangan tangan. Imam Bukhari r.a. termasuk dalam golongan ini. Nama-nama lain yang juga tersenarai dalam golongan ini ialah `Ali, `Ammaar, Ibnu `Abbaas, `Athaa', Makhul, Sya`bi, Yahya bin Katsir, Qataadah, `Ikrimah, Al-Auzaa'i, Ahmad, Ishaq, Daud Zahiri, Ibnu Abi Syaibah dan kebanyakan Ahlul Hadits. Ibnu al-Munzir berkata ini adalah pendapat jumhur `ulama'. Ibnu al-Munzir sendiri memilih pendapat ini. Golongan kedua ialah orang-orang yang berpendapat dua tepukan diperlukan. Tepukan pertama untuk muka dan tepukan kedua untuk tangan hingga ke siku. Tokoh-tokoh yang tersenarai dalam golongan ini antara lainnya ialah Ibnu `Umar, Hasan, Salim, Malik, ats-Tsauri, al-laits, Abu Hanifah, Asy-Syafi'e dan kebanyakan `ulama' Kufah. Kesemua tokoh yang tersebut itu berpendapat kedua-dua tepukan itu sama ada rukun atau wajib kecuali Imam Malik. Kerana beliau berpendapat tepukan kedua untuk tangan hingga ke pergelangan tangan adalah wajib, tetapi hingga ke siku tidak wajib. Golongan ketiga ialah orang-orang yang berpendapat tiga tepukan diperlukan dalam bertayammum. Tepukan pertama untuk muka, tepukan kedua untuk dua belakang tapak tangan dan tepukan ketiga untuk dua lengan. Tokoh-tokoh yang termasuk dalam golongan ini ialah Ibnu al-Musayyab, Ibnu Syihaab dan Ibnu Sirin. Ibnu Syihab juga dikatakan berpendapat dua tepukan diperlukan. Tepukan pertama untuk muka dan tepukan kedua untuk tangan hingga ke ketiak. Masalah kedua ialah tertib. Tertib dalam tayammum mengikut Bukhari r.a., Abu Hanifah, Malik dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya hanya sunat. Mengikut Syafi'e dan ashhabnya tertib merupakan salah satu fardhu dan rukun dalam tayammum. Tayammum seseorang tidak akan sah tanpa tertib. Hanabilah (`ulama'-`ulama' dalam mazhab Ahmad) berpendapat tertib dalam tayammum hanya wajib untuk mengangkat hadats kecil. Adapun untuk mengangkat hadats besar ia tidak diwajibkan. Inilah yang sahih dalam mazhab Ahmad. Mungkin juga bab ini diadakan oleh Bukhari r.a. dengan tujuan menyatakan kaifiat atau cara tayammum orang berjunub. Berdasarkan hadits bab ini, ia tidak berbeza daripada tayammum untuk mengangkat hadats kecil.

٣٣٤- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ شَقِيقٍ قَالَ كُنْتُ جَالِسًا مَعَ عَبْدِ اللَّهِ وَآبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ فَقَالَ لَهُ أَبُو مُوسَى لَوْ أَنَّ رَجُلًا أَجْنَبَ فَلَمْ يَجِدِ الْمَاءَ شَهْرًا أَمَا كَانَ يَسْتَمُّ وَيُصَلِّي قَالَ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ لَا يَسْتَمُّ وَإِنْ كَانَ لَمْ يَجِدْ شَهْرًا فَقَالَ أَبُو مُوسَى فَكَيْفَ تَصْنَعُونَ بِهَذِهِ الْآيَةِ فِي سُورَةِ الْمَائِدَةِ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ لَوْ رُخِصَ لَهُمْ فِي هَذَا لَأَوْشَكُوا إِذَا بَرَدَ عَلَيْهِمُ الْمَاءُ أَنْ يَسْتَمُّوا الصَّعِيدَ قُلْتُ وَإِنَّمَا كَرِهْتُمْ هَذَا لِذَا قَالَ نَعَمْ فَقَالَ أَبُو مُوسَى أَلَمْ تَسْمَعْ قَوْلَ عَمَّارٍ لِعُمَرَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَاجَةٍ فَأَجْنَبْتُ فَلَمْ أَجِدِ الْمَاءَ فَتَمَرَّغْتُ فِي الصَّعِيدِ كَمَا تَمَرَّغَ الدَّابَّةُ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ أَنْ تَصْنَعَ هَكَذَا فَضَرَبَ بَكَفِّهِ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ ثُمَّ نَفَضَهَا ثُمَّ مَسَحَ بِهَا ظَهَرَ كَفِّهِ شِمَالِهِ أَوْ ظَهَرَ شِمَالِهِ بَكَفِّهِ ثُمَّ مَسَحَ بِهَا وَجْهَهُ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ أَفَلَمْ تَرَ عُمَرَ لَمْ يَفْنَعْ قَوْلَ عَمَّارٍ وَزَادَ يُعَلِّى عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ شَقِيقٍ كُنْتُ مَعَ عَبْدِ اللَّهِ وَآبِي مُوسَى فَقَالَ أَبُو مُوسَى أَلَمْ تَسْمَعْ قَوْلَ عَمَّارٍ لِعُمَرَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَنِي أَنَا وَأَنْتَ فَأَجْنَبْتُ فَتَمَعَكْتُ بِالصَّعِيدِ فَأَتَيْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرْنَاهُ فَقَالَ إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ هَكَذَا وَمَسَحَ وَجْهَهُ وَكَفَّهُ وَاحِدَةً

334- Muhammad bin Salam meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Muawiyah meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy daripada Syaqiq, katanya: "Pernah aku duduk dekat `Abdullah dan Abu Musa al-Asy'ari lalu Abu Musa bertanya `Abdullah: "Sekiranya seseorang berjunub dan dia tidak mendapati air selama sebulan. Adakah dia tidak boleh bertayammum dan bersembahyang?" Perawi berkata: `Abdullah menjawab: "Dia tidak boleh bertayammum walaupun tidak mendapati air selama sebulan." Abu Musa terus bertanya: "Bagaimana dengan ayat di dalam surah al-Maa'idah ini: . فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا **dipermudahkan kepada mereka perkara ini, nanti apabila air dirasakan sejuk, mereka akan terus bertayammum dengan**

menggunakan tanah.” Aku (A`masy) pun berkata: “Kalau begitu kamu (Syaqiq) hanya tidak suka orang bertayammum kerana ini.” Dia (Syaqiq) menjawab: “Ya.” Seterusnya Abu Musa berkata: “Bukankah engkau telah mendengar kata-kata `Ammaar kepada `Umar?: “Rasulullah s.a.w. telah menghantarkan aku untuk suatu keperluan, lalu aku berjunub dan tidak mendapati air. Aku pun berguling-guling di atas tanah seperti binatang. Setelah aku menceritakan perbuatanku kepada Nabi s.a.w. beliau lantas berkata: “Buat begini sahaja sudah memadai untukmu”, sambil beliau s.a.w. menepuk tapak tangannya sekali ke atas tanah. Setelah mengebas-ngebas tangannya, Nabi s.a.w. menyapu belakang tangan kanannya dengan tapak tangan kirinya dan belakang tangan kirinya dengan tapak tangan kanannya. Kemudian beliau s.a.w. menyapu muka dengan kedua-dua belah tangannya.”³⁴⁷ `Abdullah berkata: “Tidakkah engkau melihat `Umar tidak berpuas hati dengan kata-kata `Ammaar itu.” Ya`la menambah (di dalam riwayatnya) daripada A`masy daripada Syaqiq, katanya: “Pernah aku bersama `Abdillah dan Abi Musa. Maka berkata Abu Musa: “Bukankah engkau telah mendengar kata-kata `Ammaar kepada `Umar bahawa Rasulullah s.a.w. telah menghantar aku dan engkau. Lalu aku berjunub. Kerananya aku telah berguling-guling di atas tanah. Setelah pulang kepada Rasulullah s.a.w., kita ceritakan kepadanya.

³⁴⁷ Inilah `ibarat riwayat `Ammaar yang menjadi pegangan orang-orang yang tidak menganggap wajib tertib dalam tayammum. Walaupun ia berbeza daripada kebanyakan riwayat, ia tetap sahih mengikut mereka. Selain itu bagi Bukhari r.a. dan orang-orang yang sependapat dengannya, oleh kerana tayammum adalah badal mutlaq bagi wudhu' dan mandi wajib, maka hukumnya sama dengan hukum wudhu' dan mandi wajib yang digantinya. Seperti telah dima`lumi Imam Bukhari r.a. berpendapat tertib tidak wajib dalam wudhu'. Maka tidak wajiblah juga ia dalam tayammum.

Nabi s.a.w. terus bersabda: “Sebenarnya buat begini sahaja sudah memadai untukmu”. Sambil Nabi s.a.w. menyapu muka dan kedua tangannya satu kali sahaja.

٨-باب

Bab- 8:³⁴⁸

³⁴⁸ Berdasarkan kebanyakan nuskah di sini terdapat bab tanpa tajuk. Di dalam nuskah al-Ashili di sini langsung tidak ada bab. Kalau diterima nuskah al-Ashili, maka hadits ini termasuk di bawah bab sebelum ini dan kalau diterima nuskah-nuskah lain, maka bab ini pada pandangan kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari r.a. adalah seperti fasal bagi bab sebelumnya. Tetapi pada banyak tempat, bab tanpa tajuk tidak sesuai dikatakan sebagai fasal bagi bab sebelumnya. Justeru Bukhari r.a. sering kali sengaja tidak membuat tajuk bab dengan tujuan menguji dan mengasah fikiran pembaca kitabnya. Di samping itu oleh kerana maksud asal Bukhari r.a. mengadakan bab-bab di dalam kitab Sahihnya ini ialah untuk mengistimbath hukum atau lain-lain pengajaran daripada hadits dan untuk menimbulkan daya ijtihad serta kemampuan memahami hadits secara mendalam kepada orang-orang yang mengkaji dan mempelajarinya, maka beliau sebagai guru seolah-olahnya memberikan soalan kepada murid-muridnya untuk dijawab. Seolah-olah beliau berkata: “Selama ini aku yang membuat tajuk bab yang pada fikiranku sesuai dengan hadits di bawahnya. Sekarang giliran kamu pula membuatnya. Kalau di sini apakah tajuk yang sesuai diberikan pada pendapat kamu?” Terpulang kepada masing-masinglah untuk memberikan jawapan kepada soalan yang diberikan oleh Bukhari r.a. pada tempat-tempat seperti ini. Mungkin jawapan yang sesuai untuk mengisi bab yang kosong daripada tajuk ini ialah باب الجنب إذا لم

باب الجنب إذا لم يجد ماء تيمم أو يحد ماء تيمم وصلّى atau lain-lain lagi. Sesetengah ‘ulama’ mengatakan tujuan Bukhari r.a. membuat bab tanpa tajuk ini ialah demi menampung kekurangan yang terdapat di dalam hadits bab sebelum ini. Bab sebelum ini berbunyi: باب التيمم ضربة: Bab: Tayammum Hanya (Dengan) Satu Tepukan. Di dalamnya tidak tersebut pun satu tepukan atau satu kali. Jadi dengan mengemukakan hadits di bawah bab tanpa tajuk ini Imam Bukhari r.a. memahami satu tepukan daripada sabda nabi s.a.w. عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ Gunakanlah tanah, secara mutlaq. Perintah secara mutlaq ini sekurang-kurangnya memberi erti sekali atau satu tepukan dengan pasti. Memang benar boleh difahami begitu daripada sabda Rasulullah s.a.w. tadi. Tetapi mengatakan Bukhari r.a. mahu menampung kekurangan yang terdapat di dalam hadits bab sebelum ini, itu tidak benar sama sekali. Kerana jelas tersebut di dalam hadits bab yang lalu perkataan ضربة berdasarkan keterangan ‘Ammaar di dalam hadits itu فَضْرَبَ بِكُمُ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ sambil beliau s.a.w. menepuk tapak tangannya sekali ke atas tanah. ضربة adalah perkataan mashdar marraah bagi perkataan

ضرب. Ia sudah cukup jelas memberi erti sekali atau satu tepukan. Syeikhul Hadits Maulana Muhammad Zakariyya berpendapat Bukhari r.a. membawa bab ini dengan hadits ‘Imraan di bawahnya sebenarnya untuk menghilangkan satu kemusykilan. Kemusykilannya ialah kalau ‘Ammaar telah mengetahui ayat tayammum, kenapa dia berguling-guling di atas tanah seperti binatang? Dan kalau dia tidak tahu tentangnya, bagaimana dia mengetahui tanah dapat menggantikan air untuk bersuci? Sedangkan dengan bergelumang di atas tanah dia akan menjadi semakin kotor dan comot! Kebanyakan pensyarah hadits mengatakan ayat tayammum pada mulanya turun setakat طيبا صحيدا طيبا sahaja. Yang selepasnya ketika itu belum lagi turun. Oleh kerana ‘Ammaar pada ketika itu telah pun mengetahui tentang mandi wajib, tentang tayammum pula beliau hanya tahu secara umum saja, maka beliau mengqiaskan tayammum untuk mengangkat hadats besar dengan mandi wajib. Akibatnya bergelumanglah ‘Ammaar di atas tanah. Apa yang dikatakan oleh ramai pensyarah Sahih Bukhari r.a. itu sesungguhnya tidak jelas kerana tidak ada bukti yang nyata tentang ayat tayammum pada ketika itu telah turun setakat yang

٣٣٥- حَدَّثَنَا عَبْدَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا عَوْفٌ عَنْ أَبِي رَجَاءٍ قَالَ حَدَّثَنَا عِمْرَانُ بْنُ حُصَيْنٍ الْخُرَاعِيُّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى رَجُلًا مُعْزِلًا لَمْ يُصَلِّ فِي الْقَوْمِ فَقَالَ يَا فُلَانُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَصَابَنِي جَنَابَةٌ وَلَا مَاءَ قَالَ عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ

335 - `Abdaan meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: `Auf meriwayatkan kepada kami daripada Abi Rajaa', katanya: `Imraan bin Hushain al-Khuza'i menceritakan kepada kami bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melihat seorang lelaki yang terpisah daripada orang-orang lain. Dia tidak bersembahyang bersama-sama orang ramai. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: "Wahai fulan! Apakah yang menghalangmu daripada bersembahyang bersama-sama orang ramai". Orang itu menjelaskan, katanya: "Wahai Rasulallah! Saya telah berjunub dan ketiadaan air."

tersebut tadi dan `Ammaar pula memang telah mengetahui tentangnya. Bagi Syeikh Zakariyya kemusykilan itulah yang hendak dirungkai oleh Bukhari r.a. melalui hadits di bawah bab tanpa tajuk ini. Apa yang telah diketahui oleh `Ammaar ialah cara mandi junub dan perintah nabi s.a.w. secara umum mengenai tayammum dalam sabdanya عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ Gunakanlah tanah. Berpanduan ma'lumat yang ada padanya, `Ammaar telah menggunakan qias apabila beliau tidak mendapati air dalam salah satu perjalanannya. Dengan itu berlakulah apa yang telah berlaku kepadanya. Ini kerana tidak semestinya semua sahabat mengetahui setiap ayat yang turun kepada nabi s.a.w. Sebabnya ialah mungkin dia tiada bersama Baginda s.a.w. di Madinah ketika sesuatu ayat diturunkan atau dia berada di perantauan pada ketika itu. Macam-macam keadaan boleh berlaku di sebalik ketiadaan ma'lumat seseorang sahabat tentang sesuatu ayat al-Qur'an atau hadits nabi s.a.w.

Daripada perbincangan di dalam bab-bab Kitab tayammum yang lalu dapat anda lihat beberapa ciri fiqh Bukhari r.a. yang amat dinamis dan relevan terutamanya untuk dunia moden hari ini. Fiqh Bukhari anara lain mengandungi (1) Unsur-unsur kemudahan yang merupakan salah satu tonggak fiqh Islam. (2) Dalil-dalil yang kukuh dan teguh daripada al-Qur'an dan as-Sunnah. (3) Contoh-contoh hidup berupa amalan para sahabat dan tabi'in yang boleh dipertanggungjawabkan. (4) Ajaran-ajaran dan panduan-panduan hidup beragama yang realistik dan praktis. (5) Pemerhatian yang mendalam dan kritis terhadap nas-nas syari'at. (6) Qaedah-qaedah ijtihad yang matang dan mantap. (7) Isyarat-isyarat kepada fiqh para mujtahidin dari kalangan salaf sebagai perbandingan. (8) Kritikan-kritikan secara halus dan beradab terhadap pandangan dan pendapat para 'ulama' dari kalangan sahabat, tabi'in dan tab'it-tabi'in. (9) Kesenambungan pengamatan terhadap proses perkembangan hukum Islam di zaman Nabi s.a.w. dan zaman Khulafa' ar-Rasyidin selepasnya. (10) Dorongan dan insentif ke arah mempraktikkan dan membudayakan sunnah Nabi s.a.w. yang paling tinggi tahap kesahihannya dalam segenap bidang hukum-hakam Islam.

Maka Nabi s.a.w. bersabda: “Gunakanlah tanah kerana ia memadai untukmu.”³⁴⁹

³⁴⁹ Kitab tayammum ini mengandungi tujuh belas hadits marfu'. Yang berulang daripadanya sepuluh hadits. Dua daripadanya mu'allaq. Tujuh daripadanya tidak berulang. Hadits mu'allaq yang tidak berulang hanya satu. Hadits-hadits lain semuanya maushul (lengkap sanadnya) dan dikemukakan juga oleh Muslim kecuali hadits mu'allaq 'Amar bin 'al-'Aash. Di dalam Kitab tayammum ini terdapat sepuluh atsar sahabat dan tabi'in. Tiga daripadanya maushul iaitu fatwa 'Umar, fatwa Abi Musa dan fatwa Ibnu Mas'ud r.a.

Bara'ah ikhtitam bagi Hafiz Ibnu Hajar terletak pada sabda Rasulullah s.a.w. فَإِنَّكَ بِكَرْبِكَ kerana ia sesungguhnya memadai untukmu. Bara'ah ikhtitam bagi Hafiz Ibnu Hajar merupakan isyarat kepada tamat dan habisnya perbincangan sesuatu bab atau kitab. Seolah-olahnya Imam Bukhari r.a. berkata: “Bab-bab dan hadits-hadits tentang tayammum yang telah saya kemukakan sebelum ini sesungguhnya sudah memadai dan sudah cukup untukmu.” Bagi Syeikh Zakariyya pula Bara'ah ikhtitam Bukhari r.a. mengisyratkan kepada mati dan kesudahan hidup manusia di dunia ini. Ia terletak pada عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ فَإِنَّهُ

مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ . مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ . مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ . مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ . مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ .